

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE FORM OF LEARNING THE FAITH OF SIFAT 20 IN NUSANTARA AND ITS IMPORTANCE TO HARMONY IN SOCIETY]

BENTUK PEMBELAJARAN AKIDAH SIFAT 20 DI NUSANTARA SERTA KEPENTINGANNYA TERHADAP KEHARMONIAN DALAM MASYARAKAT

NURUL HUSNA MOHD PIDRUS^{*1}, NUR SYAZA NADZIRAH ZAINUDIN,¹ NOOR ATHIRAH MOHD AMIRUL,¹ SYAZANA OTHMMAN,¹ AKILA MAMAT¹ & MOHD HASRUL SHUHARI¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

*Corresponding Author: husnrepidrushp@gmail.com

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstract

The debate on the Sifat Allah SWT is one of the important topics contained in the debate on Ilahiyyat. Therefore, the previous scholars have arranged the attributes of Allah SWT into 13 attributes according to Imam al-Asya'ari while, 20 attributes according to Imam al-Sanusi. This breakdown of the attributes of Allah SWT includes the attributes of ma'ani, ma'nawiyah and salbiah. This method is also followed by scholars in the archipelago. The purpose is to make it easier for Muslims to recognize the attributes of Allah SWT whether it is obligatory, impossible and necessary for Him. This paper aims to examine the form of learning the creed of Sifat 20 and its importance to harmony in society. This study takes a qualitative approach by using a library study design. Data were obtained through documentation techniques while data analysis through content analysis was done based on deductive, inductive and comparative methods to produce research findings. The results of this study show that the importance of the study of the creed of Sifat 20 is manifested in the elements of wasatiyyah contained in it, namely not tafrit (literal) and not ifrat (liberal). This has the potential to lead to the formation of harmonious conditions in society.

Keywords: Learning, Faith, Sifat 20, Community Harmony.

Abstrak

Perbahasan sifat Allah s.w.t merupakan salah satu topik penting yang terkandung dalam perbahasan Ilahiyyat. Oleh itu, para ulama terdahulu telah menyusun sifat-sifat Allah s.w.t kepada 13 sifat menurut Imam al-Asya'ari manakala, 20 sifat menurut Imam al-Sanusi. Pecahan sifat Allah s.w.t ini merangkumi sifat ma'ani, ma'nawiyah dan salbiah. Cara ini juga turut diikuti oleh para ulama di Nusantara. Tujuannya adalah untuk memudahkan umat Islam mengenali sifat-sifat Allah SWT sama ada yang wajib, mustahil dan harus bagi-Nya. Kertas kerja ini bertujuan mengkaji bentuk pembelajaran akidah Sifat 20 dan kepentingannya terhadap keharmonian dalam masyarakat. Kajian ini mengambil pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian

kepustakaan. Data diperolehi menerusi teknik dokumentasi manakala analisis data menerusi analisis kandungan dilakukan berdasarkan kaedah deduktif, induktif dan komparatif untuk menghasilkan dapatan kajian. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kepentingan pengajian akidah Sifat 20 terzahir pada elemen wasatiyyah yang terkandung padanya, yakni tidak tafrit (literal) dan tidak ifrat (liberal). Ini berpotensi mendorong kepada terbentuknya kondisi harmoni di dalam masyarakat.

Kata kunci: Pembelajaran, Akidah, Sifat 20, Keharmonian Masyarakat.

Cite as: Nurul Husna Mohd Pidrus, Nur Syaza Nadzirah Zainudin, Noor Athirah Mohd Amirul, Syazana Othmmam, Akila Mamat & Mohd Hasrul Shuhari. 2022. [The Form of Learning The Faith of Sifat 20 in Nusantara and Its Importance to Harmony in Society] Bentuk Pembelajaran Akidah Sifat 20 di Nusantara Serta Kepentingannya Terhadap Keharmonian dalam Masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 130-142.

PENDAHULUAN

Akidah merupakan ilmu yang paling tinggi kedudukannya dalam Islam, kerana tujuan utama manusia diciptakan adalah untuk beribadat kepada Allah SWT. Dalam konteks akidah, ulama Ahl Al Sunnah Wal Al Jamaah telah menyusun akidah Sifat 20 sebagai kaedah untuk mengenali Allah SWT daripada segala zat dan sifat kesempurnaan-Nya. Ini bukanlah bermakna sifat Allah SWT terhad kepada 20 sifat sahaja bahkan, akidah Sifat 20 adalah sebuah metodologi yang disusun oleh ulama sebagai kaedah yang mudah dipelajari untuk mengenali Allah SWT. Oleh yang demikian, pelbagai bentuk kaedah pembelajaran akidah Sifat 20 telah diajarkan kepada masyarakat bertujuan untuk menjaga akidah orang awam daripada terpesong dan terpengaruh dengan pemikiran luar. Kewajipan mempelajari akidah Sifat 20 terbahagi kepada dua sama ada pembelajaran atas yakni Fardu Ain ataupun pembelajaran secara Fardu Kifayah. Walau bagaimanapun, pembelajaran akidah Sifat 20 perlulah berlandaskan dalil naqli dan aqli secara wasatiyyah agar tidak terjerumus ke arah pemikiran literal dan liberal yang boleh merosakkan keharmonian. Pembelajaran akidah Sifat 20 melalui cara yang betul mampu untuk membina kelestarian sejagat apabila ia diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Justeru, penulisan ini akan menjelaskan bentuk pembelajaran akidah Sifat 20 yang dilaksanakan di Nusantara serta kepentingannya terhadap keharmonian dalam masyarakat.

AKIDAH SIFAT 20 DAN SEJARAHNYA DI NUSANTARA

Pelopor ilmu Akidah berkenaan pengajian akidah Sifat 20 mula diperkenalkan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri pada awal kurun keempat Hijrah. Namun, beliau hanya mengelaskan kepada akidah Sifat 13 sahaja iaitu 1 Nafsiyah, 5 Salbiah dan 7 Ma'ani. Ibnu Khaldun pula dalam catatan sejarahnya mengatakan, kesempurnaan akidah Sifat 20 telah muncul ketika ramai dalam kalangan ulama terdahulu terpengaruh dengan aliran falsafah sehingga mencampur adukkan ilmu Akidah dan falsafah. Percampuran yang berlaku menyebabkan kekeliruan dalam kalangan orang awam sehingga ada yang mempelajari akidah ketuhanan secara taklid (Abdul Rahman Abdullah, 2016).

Mendepani kebatilan waktu itu, Muhammad bin Yusuf al-Sanusi digelar al-Sanusi telah

mengasingkan perbahasan akidah supaya jauh daripada unsur falsafah. Oleh itu, sekitar kurun kesembilan hijrah lahirlah kitab *Umm al-Barahin*, disebut juga *Akidah Ahl al-Tauhid al-Sughra* atau *Risalah al-Sanusiyyah* yang membahaskan sifat wajib, mustahil dan harus bagi zat dan sifat Allah SWT berdasarkan dalil naqli dan aqli. Dari sini telah muncul akidah Sifat 20 merangkumi 1 Nafsiyah, 5 Salbiah, 7 Ma’ani dan 7 Ma’nawiah yang merupakan iktikad Ahl Al Sunnah Wal Al Jamaah. Adapun perbahasan akidah Sifat 20 oleh ulama terdahulu telah merangkumi perbicaraan menyeluruh, tetapi kesempurnaan susunan dan bilangannya disandarkan kepada Imam al-Sanusi dalam penulisannya (Masakaree Ardae 2014).

Sementara itu, walaupun pembelajaran akidah Sifat 20 wujud pada zaman salafus soleh, ini tidak bermakna ia merupakan ajaran baru yang direka, bahkan sebuah metodologi yang digunakan oleh ulama salaf dalam memahami dan membahaskan akidah ketuhanan. Namun begitu, pada zaman Rasulullah SAW mereka tidak membicarakan permasalahan tauhid berkenaan sifat-sifat Allah SWT kerana mereka mengimani al-Quran dan al-Hadis tanpa mentakwilkannya. Malahan, jika berlaku kekeliruan sekalipun mereka terus merujuk kepada nabi Muhammad SAW dan baginda menjelaskannya mengikut keadaan orang yang bertanya. Begitu juga para sahabat yang tidak mempersoalkan permasalahan berkenaan sifat-sifat Allah SWT bahkan jika ada sekalipun mereka turut mengkiaskan sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW (Mudasir Rosder, 1989). Namun, persoalan akidah berkenaan sifat-sifat Allah SWT telah wujud pada zaman tabi’in oleh golongan Sab’iyyah yang menimbulkan persoalan syubhah dengan mentasybih dan mentajsimkan Allah SWT. Sama juga halnya, golongan jahmiyah yang menafikan qudrat dan iradat manusia, serta golongan mu’attilah yang menafikan sifat-sifat Allah SWT. Perkembangan pemikiran tauhid mengikut zaman menunjukkan bahawa persoalan akidah berkenaan sifat-sifat Allah SWT bermula selepas zaman sahabat hingga ke hari ini. Oleh itu, ulama Ahli Sunnah wal Jamaah telah menghimpunkan akidah Sifat 20 ini sebagai metodologi bagi memahami sifat-sifat Allah SWT sekali gus mengelakkan daripada terjerumus kepada golongan yang sesat dalam pentakwilannya (Mohd Hafizsalehuddin, 2008).

Dalam pada itu, sejarah awal kemunculan akidah Sifat 20 di Nusantara mempunyai pelbagai pandangan dalam kalangan sejarawan. Antaranya pada abad ke-12 Masihi, penemuan petikan manuskrip kitab *Bahr al-Dahut* yang ditulis oleh Abd Allah al-Arif di Aceh, Indonesia tercatat perkataan : “...bermulalah ini Sifat 20...”. Wan Mohd Shaghir Abdullah pula berpendapat, akidah Sifat 20 bermula pada tahun 1039 Hijrah oleh Ahmad bin Aminuddin Qadhi dalam sebuah kitab tauhid serta manuskripnya tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (Masakaree Ardae 2014 : 56-58). Selanjutnya, Faizuri Abd. Latif & Muhammad Hazim Mohd Azhar (2018 : 98) dalam kajiannya mengatakan, individu pertama yang melibatkan diri dalam pengajaran akidah Sifat 20 ialah Sheikh ‘Abd al-Rauf Fansuri pada abad ke-17 Masihi. Perkara ini ditemui dalam kitab *Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufarridin*. Seterusnya, pada abad ke-18 Masihi, penulisan akidah Sifat 20 *Umm al-Barahin* mula diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, diikuti Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, juga diteruskan oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani pada abad ke-19 Masihi.

Antara kandungan perbahasan akidah Sifat 20 ialah hal yang berkaitan zat dan sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT. Perkara berkaitan jirim (benda) dan aradh (sifat) makhluk turut dibincangkan supaya tidak menyamakan Allah SWT dengan makhluk (Latifah

Ariffin : 2017). Himpunan akidah Sifat 20 merangkumi sifat Nafsiyah, Salbiah, Ma'ani dan Ma'nawiyah sebagaimana berikut (Wan Mohd Saghir Abdullah, 1990).

1. Sifat Nafsiyah daripada kalimah *nafsun* merujuk kepada zat Allah SWT,
 - a. *Wujud* (Ada)
2. Sifat Salbiah daripada kalimah *salbun* iaitu menafikan kekurangan Allah SWT,
 - a. *Qidam* (Sedia)
 - b. *Baq'a'* (Kekal)
 - c. *Mukhalafatuhu Lil Hawadith* (Berbeza dengan semua makhluk)
 - d. *Qiyamuhu binafsih* (Berdiri-Nya dengan sendiri)
 - e. *Wahdaniah* (Esa)
3. Sifat Ma'ani adalah beberapa makna yang berdiri pada zat Allah SWT,
 - a. *Qudrat* (Berkuasa)
 - b. *Iradat* (Berkehendak)
 - c. *Ilmu* (Mengetahui)
 - d. *Hayat* (Hidup)
 - e. *Sama'* (Mendengar)
 - f. *Basar* (Melihat)
 - g. *Kalam* (Berkata-kata)
4. Sifat Ma'nawiyah adalah sifat-sifat yang wujud kerana adanya sifat Ma'ani,
 - a. *Kaunuhi Qadiran* (Keadaan-Nya yang berkuasa)
 - b. *Kaunuhi Muridan* (Keadaaan-Nya yang berkehendak)
 - c. *Kaunuhi Ilmun* (Keadaaan-Nya yang mengetahui)
 - d. *Kaunuhi Hayyan* (Keadaan-Nya yang hidup)
 - e. *Kaunuhi Sami'an* (Keadaan-Nya yang mendengar)
 - f. *Kaunuhi Basiran* (Keadaan-Nya yang melihat)
 - g. *Kaunuhi Mutakalliman* (Keadaannya yang berkata-kata)

Walaupun begitu, umat Islam perlu mengimani bahawa Allah SWT mempunyai pelbagai sifat kesempurnaan yang tidak terhitung nilainya, bukan hanya terhad pada akidah Sifat 20 sahaja, hal ini sebagaimana firman Allah SWT,

...وَلِلّٰهِ الْمُتَّلِّ أَعْلَىٰ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya : ... Dan Allah s.w.t mempunyai sifat Yang Maha tinggi dan Dia Maha Perkasa, Maha Bijaksana.

Al-Qur'an, al-Nahl 16:60

Rumusnya, pembelajaran akidah Sifat 20 mula bertapak di Nusantara melalui perkembangan kitab *Umm al-Barahin* oleh al-Sanusi untuk menjelaskan permasalahan berkaitan sifat-sifat Allah SWT. Bukan itu sahaja, kebanyakan ulama Nusantara menggunakan kitab ini sebagai panduan dan melakukan terjemahan. Walaupun begitu, terdapat di antara

mereka yang membahaskannya dengan corak berbeza seperti mana penggunaan istilah “pe” iaitu pehidup, pekehendak, pekuasa, pedengar, pelihat pekata oleh Syeikh Wan Ismail al-Fatani dalam kitabnya *Bakurah al-Amani*. Penggunaan istilah yang berbeza bukanlah menjadi isu besar kerana tujuan mempelajarinya tetap sama iaitu untuk memahami akidah berkaitan sifat-sifat Allah SWT. Ini menunjukkan usaha ulama Nusantara bagi memastikan akidah masyarakat berada pada landasan yang benar dan jauh daripada penyelewengan.

BENTUK PEMBELAJARAN AKIDAH SIFAT 20 DI NUSANTARA

Di Nusantara, pembelajaran akidah Sifat 20 tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat malahan ia didedahkan dalam pelbagai bentuk pengajaran mengikut kepada penerimaan seseorang. Hal ini penting, bagi memudahkan masyarakat daripada semua peringkat umur untuk mempelajari akidah ketuhanan dengan metode yang mudah difahami dan diterima ramai. Pembelajaran akidah Sifat 20 di Nusantara dilaksanakan secara formal di peringkat kementerian pendidikan, juga tidak formal secara bertalaqi dan didikan langsung. Lantaran itu, terdapat perbezaan bagi sesebuah kelompok masyarakat untuk mempelajari akidah Sifat 20 secara asas Fardu Ain sahaja ataupun mendalaminya dengan lebih terperinci. Lantaran itu, kaedah yang digunakan untuk membahaskan akidah Sifat 20 adalah menggunakan dalil naqli dan dalil aqli.

Lazimnya pada peringkat permulaan umur kanak-kanak yang masih belum matang fikirannya, mereka sukar untuk memahami perkara yang tidak nampak secara zahir di depan mata. Oleh itu, ibu bapa berperanan memperkenalkan kepada anak mereka tentang ketuhanan secara santai dan menggunakan logik akal. Pelbagai medium boleh digunakan antaranya kemudahan *YouTube* untuk mempelajari akidah Sifat 20. Melalui platform ini terdapat pelbagai nasyid akidah Sifat 20 yang dinyanyikan oleh kumpulan nasyid terkemuka tanah air sejak tahun 2011 lagi. Ia ditambahbaik dari semasa ke semasa dengan animasi kartun untuk menarik perhatian kanak-kanak. Ibu bapa juga boleh menjadikan alam ini sebagai alat untuk memperkenalkan wujudnya pencipta. Sebagaimana wujudnya setiap yang ada di dunia ini pasti ada yang mewujudkannya iaitu Allah SWT. Sebaliknya, jika kanak-kanak tersebut bertanya perihal ketuhanan lebih daripada asas yang perlu diketahui, Buya Yahya memberi pandangan dalam ceramahnya di *YouTube* bertajuk ‘Penjelasan Aqidah Sederhana Untuk Anak’ pada durasi 3 minit 48 saat.

“... Jika anakmu bertanya Allah SWT di mana, jawab saja Allah SWT lebih dekat dengan urat leher kita, jadi jika kamu rasa enak itu Allah SWT yang jadikan, kamu bergerak Allah SWT yang jadikan, kemudian, alihkan pandangan anakmu, bukan dilayan kerana kanak-kanak mudah terlupa dan tidak boleh berfikir matang...”.

(Diakses pada 12 September 2021)

Seterusnya, Dasar Pendidikan Negara menetapkan garis panduan mempelajari pendidikan agama Islam bertujuan memantapkan akidah dan membentuk sahsiah pelajar. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjadikan pembelajaran Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran teras di peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah (Mohd Roslan Mohd Noor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, 2011). Di peringkat

prasekolah, misalnya di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), pembelajaran akidah Sifat 20 diajarkan secara tidak langsung dalam subjek Peribadi Muslim dan Sains Sosial. Pengajaran dijalankan menggunakan pendekatan rukun Iman yang pertama iaitu kepercayaan kepada tuhan. Melalui kaedah ini para guru mendedahkan kepada murid sifat-sifat yang wajib, harus dan mustahil bagi Allah SWT dengan cara yang ringkas dan mudah difahami (Ibrahim Abu Shah & Mohd Zaki Abdullah 2009 : 223). Selanjutnya, pembelajaran akidah Sifat 20 di sekolah rendah pula disusun mengikut tingkatan umur merangkumi latihan mentadabur al-Quran dan pengajian asas akidah dalam subjek Tauhid. Bukan itu sahaja, pada waktu perhimpunan juga para pelajar dilatih untuk menyanyikan nasyid *Asmaul Husna* (Nama-Nama Allah SWT) sebagai langkah mengenali Allah SWT dengan segala sifat kesempurnaanNya (Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri 2010). Manakala, pengukuhan akidah Sifat 20 bagi pelajar sekolah menengah menggunakan pendekatan bukti-bukti logik sebagai kaedah mempelajari ilmu Tauhid (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi 2017). Sama juga halnya, dalam subjek Sains para pelajar akan melalukan kajian saintifik sekali gus data yang diperoleh memaparkan akan kebesaran ciptaan Allah SWT yang Maha sempurna sifatNya. Pembelajaran akidah Sifat 20 daripada permulaan dapat menarik minat para pelajar untuk mendalami ilmu akidah dengan lebih mendalam (Ahmad Munawar Ismail, 2012).

Selain itu, kematangan aras berfikir seseorang membolehkan pengajian akidah Sifat 20 diajarkan dengan lebih mendalam. Perkara ini dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sama ada kerajaan mahupun swasta di seluruh Nusantara. Misalnya di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), pembelajaran akidah Sifat 20 dipelajari oleh menggunakan kitab *al-Kubra al-Yakiniyat*, *Faridatul Faraid*, *Jauharah al-Tauhid* dan *Iqtisad fil-Iqtikad*. Bagi pelajar pengkhususan Usuluddin, mereka turut diajar mempelajari pendekatan logik akal dalam subjek ilmu Mantiq dan ilmu Kalam. Melalui pembelajaran ini, para pelajar dilatih untuk berfikir secara kritis dan tersusun untuk memahami sifat wajib, harus dan mustahil bagi Allah SWT. Misalnya, kaedah Qiyas dalam ilmu Mantiq digunakan untuk memahami wujudnya tuhan iaitu dengan adanya alam ini maka, ada yang mengadakannya iaitu Allah SWT (Mohd Fauzi Hamat 2006). Cara ini juga boleh digunakan kepada mereka yang tidak mempercayai kewujudan tuhan melalui kaedah perdebatan ilmiah. Pada masa yang sama, pembelajaran kitab Arab yang pelbagai mendedahkan kepada pelajar bagaimanakah sejarah awal kemunculan akidah Sifat 20 serta kaedah ulama membahaskannya. Begitu juga kemahiran dalam menafsirkan ayat al-Quran dan al-Hadis membantu pelajar untuk memahami akidah Sifat 20. Pendekatan sebegini juga mampu mengeluarkan seseorang itu daripada beriman secara taklid serta menarik minat dan menimbulkan kesedaran kepada generasi muda untuk mempelajari akidah ketuhanan secara terperinci.

Bentuk pembelajaran seterusnya ialah sistem pengajian pondok yang menjadi alternatif masyarakat Melayu di Nusantara untuk menuntut ilmu khususnya dalam bidang keagamaan sejak kurun ke-19 Masihi. Ia juga merupakan tapak permulaan perkembangan pendidikan Islam secara tradisional khususnya dalam kalangan masyarakat sebelum dan selepas merdeka. Pengajian di pondok menggunakan kaedah pembelajaran tradisional di mana mereka duduk dan bertalaqqi kitab bersama guru atau lebih dikenali sebagai murabbi. Walaupun begitu, aspek mempraktikkan ilmu yang dipelajari juga diambil kira bukan sekadar mempelajari kitab semata-mata (Roch Aris Hidayat, 2019). Kaedah pembelajaran di pondok juga amat teliti daripada setiap aspek lebih-lebih lagi tentang huraihan setiap perincian yang terdapat di dalam

kitab yang dipelajari. Antara pondok dan pesantren yang mempelajari akidah Sifat 20 ialah Pesantren Lirboyo Kediri, Pesantren Tebu Ireng, Pondok Lubuk Tapah (Malaysia), Pondok Bakriyyah Pasir Putih dan pelbagai lagi (Masyhurah Mohamad Rawi et al., 2013). Berkenaan pembelajaran akidah Sifat 20, para pelajar menggunakan dalil naqli dan aqli untuk membahaskan pelbagai kitab akidah dalam tulisan jawi yang menjadi silibus pengajian pondok di Nusantara antaranya (Mohd Azman Abdullah & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2018),

1. *Matan Umm Al-Barahin* oleh Syeikh Ahmad al-Sanusi.
2. *Al-Durr Al-Thamin fi Bayan ‘Aqa’id al-Mu’mimin* oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani.
3. *Sifat Dua Puluh* oleh Sayyid Osman bin Abdullah bin Aqil bin Omar bin Yahya al-‘Alawi.
4. *Khulasah Sifat Dua Puluh* oleh Abdullah Abu Bakar bin Ismail.
5. *Risalah al-Misbah al-Munir Fi Ma’rifah Allah Al-Qadir* oleh Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani.
6. *Faridah al-Fara’id Fi ‘Ilm al-‘Aqa’id* oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin al-Fatani.
7. *Risalah al-Bahjah al-Saniyyah Fi al-Aqa’id al-Saniyyah* oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani.
8. *Mizan al-Dharari pada Terjemah dan Menerangkan Kitab Tijan al-Darari bi Syarh Risalah al-Bayjuri* oleh Ismail bin Omar.
9. *Risalah al-Tawhid* oleh Abdullah bin Abdul Rahman.
10. *‘Aqidah al-Najin Fi ‘Ilm Usul al-Din* oleh Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani.
11. *Risalah Persediaan Bagi Sekalian Mukalaf* oleh Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman.
12. *Taqrib al-Ikhwan Fi Ta’allum ‘Aqa’id al-Iman* oleh Abdul Qadir bin Wangah.
13. *Bakurah al-Amani Syarh bagi Tabsirotu al-Adani* oleh Syeikh Ismail bin Abdul al-Qadir al-Fatani.
14. *Bidayah al-Hidayah Syarh Umm al-Barahin* oleh Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asyi.
15. *Siraj Al-Huda pada Menyatakan Akidah Ahl al-Taqwa* oleh Syeikh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badawi al-Sumbawi.
16. *Hidayah al-Mutafakkirin Fi Tahqiq Ma’rifah Rabb al-‘Alamin* oleh Syeikh Husain Nasir bin Muhammad Taib al-Mas’udi al-Banjari.

Tuntasnya, pelbagai bentuk pembelajaran akidah Sifat 20 telah dipelajari oleh masyarakat di Nusantara bertujuan memelihara akidah daripada kesesatan. Walaupun begitu, pembelajaran ini perlulah mengikuti kepada kesesuaian dan kesediaan penerimaan seseorang untuk mempelajarinya secara asas atau lebih daripada itu. Bagi orang awam, mereka perlu belajar akidah Sifat 20 dengan mengimannya tanpa sebarang keraguan dan beriktikad Allah SWT Maha sempurna sifatNya, sementelahan bagi mereka yang berada pada tahap pengkhususan perlulah mempelajari akidah Sifat 20 dengan lebih terperinci untuk memenuhi tuntutan Fardu Kifayah dalam sesebuah kelompok masyarakat. Kepentingan pembelajaran

akidah Sifat 20 dapat dilihat apabila ia telah diterapkan dalam diri individu Muslim sejak kecil lagi. Hal ini kerana, pengukuhan akidah sebagai seorang Muslim menjadi kayu ukur kepada pelaksanaan ibadah dan perilaku seseorang.

WASATIYYAH DALAM MEMPELAJARI AKIDAH SIFAT 20

Pembelajaran akidah Sifat 20 merupakan kaedah mudah dan jelas yang diperkenalkan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ari bagi memahami komponen utama Islam iaitu keimanan kepada Allah SWT. Demikian, tidak ramai dalam kalangan ilmuwan Nusantara yang mampu menguasai setiap satu perbahasan Sifat 20 dengan kupasan dalil naqli dan aqli. Hal ini memberi tanggapan bahawasanya ilmu ini sukar untuk dipelajari dengan lebih mendalam serta kesukaran untuk mencari guru yang mahir. Disebabkan itu, kebanyakan umat Islam kini menghafaz maknanya semata-mata tanpa memahaminya dengan lebih terperinci (Latifah Ariffin, 2017). Natijahnya, penguasaan yang lemah dalam akidah Sifat 20 telah mendorong seseorang untuk memberikan tafsiran yang salah seterusnya dibimbangi membawa kepada pemesongan akidah.

Dalam membahaskan akidah Sifat 20 Ahl Al Sunnah Wal Al Jamaah mengambil pendekatan wasatiyyah dengan makna sederhana, berimbang, adil dan tidak melampau, tidak terlalu ketat dan tidak terlalu longgar (Mohd Afandi Mat Rani, 2018). Di samping itu, mereka yang mahir dalam akidah Sifat 20 mampu untuk membahaskan setiap satu daripada sifat-sifat ini dalam bentuk dalil naqli dan aqli. Ini merupakan metodologi yang digunakan oleh Ahl Al Sunnah Wal Al Jamaah usaha memurnikan akidah Sifat 20 secara seimbang antara wahyu dan rasional. Jika penafsiran akidah Sifat 20 dibahaskan secara *tafrīt* (literal) dengan mengambil makna zahir sahaja, ia mendorong kepada pemikiran kumpulan mujassimah yang menyamakan Allah SWT dengan makhluk. Sungguhpun begitu, penggunaan akal juga diperlukan sebagai kaedah untuk mempelajari akidah Sifat 20 akan tetapi, penggunaanya tidak boleh terlalu melampau sehingga membawa kepada pemikiran *ifrat* (liberal) (Mohd Saiful Aqil Naim 2021). Tanpa kita sedar pemikiran sebegini telah lama wujud dalam minda masyarakat Islam sejak dahulu hingga kini yang perlu kepada pemurniaan akidah yang benar.

Memahami akidah Sifat 20 secara zahir ayat tanpa menggunakan rasional mendorong seseorang terjerumus kepada akidah *tajsim* sebagaimana golongan mujassimah. Kumpulan ini mentakwilkan ayat mutasyabihat daripada al-Quran dan hadis dengan mengambil maknanya secara *tafrīt* (literal) menyebabkan sifat-sifat Allah SWT diumpamakan seperti makhluk, misalnya firman Allah SWT,

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى

Maksudnya : Al-Rahman (Allah SWT) beristiwa' di atas Arasy.

Al-Qur'an, Taha 20: 5

Jika nas tersebut ditakwilkan secara literal akan berlakunya percanggahan dengan dalil al-Quran yang lain, iaitu jika Allah SWT berada di *Arasy* bagaimana dalam masa yang sama Allah SWT berada dekat dengan urat leher kita. Kalimah '*beristiwa'* juga menunjukkan adanya arah dan tempat, sedangkan Allah SWT tidak berarah dan tidak bertempat. Dengan itu, apabila Ahli Sunnah wal Jamaah berhadapan dengan ayat sebegini mereka mentakwilkannya secara *ijmali* atau *tafsili* dengan makna yang sesuai pada sifat-sifat Allah SWT dan keesaan-Nya serta

menafikan adanya persamaan dengan makhluk. Oleh itu, kalimah ‘*Istiwa*’ menurut Ahl Al Sunnah Wal Al Jamaah mengikut makna yang sesuai adalah menguasai (Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullah Syed Omar, 2014). Begitu juga, golongan mujassimah beranggapan mengikut kaedah *tafwidh* seperti ulama salaf, sedangkan ulama salaf tidak mengambil zahir nas mutasyabihat semata bahkan menafikan Allah SWT dengan makhluk seperti tempat, anggota dan sifat-sifat kekurangan yang dikenali sebagai kaedah *takwil ijimali* (Nuh Ali Salman, 2003).

Penggunaan akal dalam memahami akidah Sifat 20 juga perlu berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah bukannya terlalu mendahulukan akal *ifrat* (liberal) hingga menafikan kebenaran wahyu. Pemikiran liberal dalam memahami Islam berteraskan hawa nafsu dan logik akal cenderung mencari kebenaran yang tidak bersifat ilmiah (Solahuddin Abdul Hamid 2020 : 108). Beriman pada sifat Nasfiah yakni Allah SWT itu wujud tidak dapat diterima bagi mereka yang memikirkan hakikat kewujudan-Nya secara zahir juga kajian saintifik. Inilah pemikiran *atheisme* yang tidak mempercayai kewujudan tuhan. Puak ini juga menafikan adanya agama dan mengatur hidup mereka sepenuhnya menggunakan akal. Disebabkan itu, ulama Ahli Sunnah wal Jamaah menetapkan hanya satu sifat Nafsiyah iaitu wujud yang merupakan perbincangan utama dalam akidah Sifat 20 (Muhammad Rashidi Wahab, 2018). Begitu juga al-Ghazali dalam kitabnya *Iqtisad fil Iqtiqad* (2003) membantah kumpulan Muktazilah yang menafikan sifat Ma’nawiyah, mereka mengatakan Allah SWT Maha Mengetahui adalah hal bagi zat Allah SWT bukannya sifat, untuk itu kesemua sifat Ma’nawiyah tidak boleh disandarkan pada zat Allah SWT kerana menjadilah Allah SWT itu zat-Nya berbilang-bilang. Bagi sifat *Kalam* pula, Muktazilah mendakwa Allah SWT mencipta sifat *Kalam* pada suatu objek yang tidak bernyawa. Sedangkan pemahaman sifat Ma’nawiyah menurut Ahli Sunnah wal Jamaah adalah hukum yang terbit akibat wujudnya sifat Ma’ani (Al-Buti Muhamad Said Ramadhan, 2010). Penafsiran sifat-sifat Allah SWT menggunakan logik akal semata mendorong seseorang untuk berfikir secara bebas tanpa panduan yang membawa kepada kesesatan akidah.

Rumusnya, pendekatan wasatiyyah ulama Ahli Sunnah wal Jamaah dalam membahaskan akidah Sifat 20 menggunakan dalil naqli dan aqli dapat memelihara akidah daripada pemikiran ekstrem. Bukanlah seperti golongan literal yang bebas mengeluarkan pandangan agar umat Islam tidak taksub dengan sesebuah mazhab, bahkan menjurus terus kepada al-Quran dan al-Sunnah. Sama juga kumpulan liberal yang bebas menafsirkan al-Quran mengikut cita rasa dan tidak menerima tafsiran ahli agama. Pemikiran sebegini mudah meresap dalam pemikiran umat Islam terutamanya orang awam kerana imej ‘Islamik’ yang dipamerkan, kesannya juga cukup besar apabila memahami perihal ketuhanan secara batil serta menidakkann keabsahan ulama.

AKIDAH SIFAT 20 MEMBENTUK KEHARMONIAN DALAM MASYARAKAT

Dalam Islam, masyarakat adalah gabungan manusia yang wujud atas ikatan syariah bermatlamatkan keharmonian, kesejahteraan dan aman damai dalam kehidupan. Yusuf al-Qaradawi (1985) mengatakan, masyarakat Islam merujuk kepada sebuah kumpulan yang mengambil keseluruhan ajaran Islam sebagai tatacara hidup, sumber hukum, pegangan dalam aturan kehidupan dan rujukan yang mengatur hubungan antara individu dan masyarakat sekitar

fizikal dan rohaninya. Kenyataan ini disokong oleh Sayyid Qutb (1978), masyarakat Islam yang bertamadun adalah mereka yang melaksanakan ajaran Islam secara total daripada pengukuhan asas akidah, ibadah, undang-undang, moral dan cara hidup berlandaskan syariat. Begitu juga Zakaria Stapa (1994) dalam penulisannya menyatakan, sesebuah komuniti dianggap masyarakat Islam apabila menjadikan agama Islam sebagai tonggak dalam semua ciptaan-ciptaan untuk mencapai kesempurnaan dalam pelbagai aspek kehidupan (Noor Aziera Mohamad Rohana et.al 2017). Justeru, agama memainkan peranan penting untuk membina hubungan sesama manusia sekali gus memelihara keharmonian sejagat.

Umum mengetahui bahawa, kerosakan umat Islam kini berpunca daripada keruntuhan akhlak dan pengaruh pemikiran. Permasalahan ini dapat dibendung apabila pengukuhan akidah diterapkan dalam diri individu Muslim sebagai asas yang memandu kehidupan. Kaedahnya, pembelajaran akidah Sifat 20 boleh diajarkan kepada masyarakat sebagai asas akidah bertujuan menjaga keharmonian masyarakat fizikal dan spiritualnya. Buktinya, pengukuhan akidah yang mantap dalam diri dapat menyelesaikan masalah moral, Rosni Wazir (2020) mengatakan, kes penagihan dadah dalam kalangan belia dapat dikurangkan dengan penerapan nilai-nilai akidah Sifat 20 antaranya pengharapan, pengawasan, konsep balasan, kepatuhan dan kepercayaan yang menyumbang kepada daya tahan individu untuk tidak kembali terlibat dengan aktiviti dadah. Bukan itu sahaja, (Khairul Hamimah Mohd Jodi & Nurul Husna Mansor, 2019) juga mengatakan, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan telah menjadikan pengajian akidah Sifat 20 sebagai pembelajaran formal di bilik kuliah kepada wanita hamil anak luar nikah bagi membentuk pelatih mengamalkan nilai-nilai Islam. Dengan itu, keperibadian Muslim dapat dibentuk apabila segala tindakan berpandukan kepada matlamat yang jelas selaras dengan wahyu al-Quran dan al-Sunah.

Namun demikian, keharmonian masyarakat Islam juga terjejas apabila berlakunya serangan pemikiran yang berusaha merosakkan Islam daripada umatnya sendiri. Misalnya, akidah mentauhidkan Allah SWT membebaskan manusia daripada kepercayaan khurafat dan belenggu *atheisme* yang tidak mempercayai kewujudan tuhan hingga mengakibatkan keruntuhan akhlak dan nilai Islam (Ummi Fa'izah binti Abdul Rahman, 2019). Seterusnya, dalam membahaskan akidah Sifat 20 kemunculan golongan literal yang menafsirkan nas al-Quran dan hadis berpandukan ayat zahir semata mendorong kepada menyamakan Allah SWT dengan makhluk. Sama halnya kumpulan liberal yang bebas menggunakan akal tanpa mengambil sandaran wahyu juga mendorong kepada terbentuknya pemikiran yang ekstrem. Allah SWT berfirman,

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَعْلُوْ فِي دِينِكُمْ وَلَا تَنْهُلُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقُّ

Maksudnya : Wahai Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah SWT melainkan yang benar...

Al-Qur'an, al-Nisa', 4:171

Ini merupakan serangan pemikiran yang mudah meresap masuk dalam kalangan umat Islam apabila mempelajari agama secara batil dan melalui guru yang salah. Pemikiran sebegini juga mendorong kepada terbentuknya aliran moden yang lahir pada zaman ini seperti *sekularisme*, *liberalisme*, *feminisme* dan lain-lain. Pendekatan wasatiyyah ulama Ahl Al Sunnah Wal Al

Jamaah adalah seimbang dalam mengambil sumber akidah bertujuan memelihara umat Islam menggunakan dalil naqli dan aqli secara sederhana dengan tidak terlalu literal dan liberal. Di Nusantara, khususnya Malaysia dan Indonesia telah menjadikan pegangan ulama Ahl Al Sunnah Wal Al Jamaah sebagai rujukan akidah yang muktabar dan diterima ramai. Kesederhanaan atau wasatiyyah yang dimaksudkan adalah penyempurnaan, memenuhi syarat dan peraturan, tidak melampau juga tidak mengurangi sesuatu perkara dan keadaan iaitu mengutamakan apa yang lebih utama. Justeru, akidah masyarakat lebih terpelihara dan mengelakkan perselisihan antara umat Islam yakni sentiasa mengikuti apa yang telah ditetapkan wahyu dan *salafusssoleh* (Abdullah Muhammad Zin, 2017).

Kesimpulannya, pembelajaran akidah Sifat 20 dapat membentuk keharmonian dalam kalangan masyarakat di Nusantara. Kita juga menyaksikan bahawa keruntuan akhlak berlaku dalam dua keadaan sama ada melalui perbuatan fizikal dan pengaruh pemikiran yang semakin meningkat saban hari. Oleh itu, pengukuhan asas akidah perlu diterapkan dalam diri individu Muslim sejak kecil lagi supaya menjadi panduan dalam kehidupan. Pada masa yang sama, Islam juga mengajar penganutnya untuk bersederhana dalam semua perkara agar tidak terjerumus kepada sikap yang melampaui batas. Islam juga tidaklah mengenepikan penggunaan akal sebaliknya, menuntut kepada manusia untuk sentiasa berfikir dan membuat pertimbangan menentukan mana yang betul dan salah. Akidah yang terpelihara dapat menjamin kebahagiaan umat Islam sekali gus masyarakat bukan Islam juga akan hidup dalam keharmonian sebagai masyarakat majmuk. Keadaan yang harmoni mendorong kepada kehidupan yang aman damai sesuai dengan ajaran syarak untuk sentiasa mengekalkan persefahaman dan mengelakkan permusuhan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, umat Islam diwajibkan untuk mengukuhkan pegangan akidah yang menjadi asas kepada pembentukan syariah dan akhlak. Perbahasan ketuhanan merupakan perkara utama dalam topik akidah Islam iaitu mengimani Allah SWT. Lantaran itu, metodologi akidah Sifat 20 yang telah disusun oleh al-Sanusi merupakan kaedah terbaik untuk mengenali Allah SWT daripada segala zat dan sifat kesempurnaanNya. Akidah Sifat 20 merupakan akidah yang dibawa oleh Ahl Al Sunnah Wal Al Jamaah sejak dahulu lagi diambil daripada Rasullullah SAW dan para ulama salaf. Walaupun begitu, persoalan berkenaan sifat-sifat Allah SWT pada zaman Rasulullah SAW dan sahabat diperjelaskan oleh baginda mengikut keadaan seseorang. Seterusnya, selepas zaman sahabat pendekatan metodologi akidah Sifat 20 telah digunakan untuk menjawab persoalan berkenaan sifat-sifat Allah SWT. Begitu juga masyarakat Islam di Nusantara turut mempelajari akidah Sifat 20 sama ada secara langsung juga tidak langsung secara berperingkat bergantung pada tahap penerimaan seseorang. Pembelajaran akidah Sifat 20 wajib dipelajari secara fardu ain kepada semua umat Islam dengan mengimani Allah SWT dan tidak menyamakan Allah SWT dengan makhluk tanpa sebarang keraguan. Seterusnya, bagi memenuhi tuntutan fardu kifayah dalam sesbuah kelompok masyarakat, pembelajaran akidah Sifat 20 turut dipelajari secara terperinci setiap satu daripadanya menggunakan dalil naqli dan aqli bertujuan memelihara akidah masyarakat setempat. Walaupun begitu, pendekatan wasatiyyah perlu diambil kira ketika mana membahaskan akidah Sifat 20 supaya tidak termasuk dalam golongan tafrit (literal) dan ifrat (liberal). Impaknya, pembelajaran akidah Sifat 20 dapat

menyelesaikan pelbagai permasalahan moral dan mengelakkan daripada tepengaruh dengan pemikiran moden yang membawa kepada keruntuhan masyarakat. Tuntasnya, pembelajaran akidah Sifat 20 perlu dipelajari, difahami dan dihayati oleh semua umat Islam secara wasatiyyah yang membawa kepada terbentuknya keharmonian dalam masyarakat.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Abdul Rahman Abdullah. 2016. *Biografi Agung Syeikh Arsyad Al-Banjari*. Shah Alam : Grup Buku Karangkraf.

Abdullah Muhammad Zin. 2017. Jumaat 17 November. ‘Nilai Wasatiyyah Dalam Akidah’. Berita Harian Online.

Ahmad Munawar Ismail. 2012. Aqidah as a Basis of Social Tolerance: The Malaysian Experience’. *International Journal of Islamic Thought* 1(June): 1-7.

Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri. 2010. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah : Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 2(2): 13-30.

Al-Buti, Muhamad Said Ramadhan. 1998. *Kubra al-Yaqiniyyat*. Damshiq : Darul Fikr.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2003. *Al-Iqtisad Fi al-I'tiqad*. Lubnan: Beirut.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Norazmi Anas, Zuraini Yaacob & Wan Rohani Wan Taib. 2017. Islamic Aqeedah Compliance Index: A Study of Malay Genome in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 72(4): 212-227.

Faizuri Abd. Latif & Muhammad Hazim Mohd Azhar. 2018. Pengaruh Umm Al-Barahin karya Al-Sanusi Terhadap Bakurah Al-Amani Karya Wan Ismail Al-Fatani Dalam Perbahasan Sifat 20. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 20(2): 93–126.

Khairul Hamimah Mohd Jodi & Nurul Husna Mansor. 2019. Kesediaan Remaja Hamil Luar Nikah terhadap Program Kerohanian di Pusat Perlindungan Wanita. *Jurnal Islamiyyat* 41(1): 59-68.

Laman Web: <https://www.youtube.com/watch?v=3gXmsHprPjU> (7 September 2021)

Laman Web: <https://www.youtube.com/watch?v=ES-cuLLTXyk> (12 September 2021)

Latifah Ariffin. 2017. Jumaat 24 November. Belajar Sifat 20 Perkukuh Akidah. *Berita Harian Online*.

Masakaree Ardae & Nik Muhammad Syukri Nik Wan. 2014. Kesejarahan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah* 2(1): 53-58.

Masyhurah Mohamad Rawi, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis & Siti Aisyah Romli. 2015. Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *Proceeding The 7th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization (Poltan-Ukm-Polimed)*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 1-15.

Mohd Afandi Mat Rani. 2018. Khamis 10 Mei. Wasatiyyah Elak Politik Perkelahian. *Berita Harian Online*.

Mohd Azman Abdullah & Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi. 2018. Perkembangan Penulisan

- Ilmiah Berkaitan Sifat 20 Di Malaysia : Satu Sorotan. *Borneo International Journal of Islamic Studies* 1(57): 60- 66.
- Mohd Fauzi Hamat. 2004. Sumbangan Pengajian Akidah Dalam Membangun Minda Melayu: Satu Sorotan Ringkas. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (AFKAR)* 5(1): 25–44.
- Mohd Roslan Mohd Noor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. 2011. Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia. *Jurnal At-Ta'dib* 6(1): 59-78.
- Mohd Saiful Aqil Naim. 2021. Selasa 23 Febuari. Relevan Sepanjang Zaman. *Harian Metro Online*.
- Mudasir Rosder. 1989. Perkembangan Masalah Sifat Dalam Ilmu Kalam. *Jurnal Islamiyyat* 10: 61-72.
- Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullahfi Syed Omar. 2014. Persoalan Mutashabihat Mengenai Istiwa. *Jurnal Usuluddin* 39: 33–70.
- Muhammad Rashidi Wahab. 2018. *Ateisme Satu Penelitian Awal*. Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Noor Aziera Mohamad Rohana, Mohd Faizal P.Rameli, Rawi Nordin & Siti Nurul Izza Hashim. 2017. Kepelbagaian dan Kesepadan Etnik di Malaysia Menurut Islam. *Jurnal Sains Insani* 2(2): 88-97.
- Nuh Ali Salman. 2003. *Al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jauharat al-Tawhid*. Kuala Lumpur: Univeristi Malaya.
- Roch Aris Hayat. 2019. Intertextual Study of The 'Aqidah Al-'Awam. *Heritage of Nusantara International Journal of Religious Literature and Heritage* 8(1): 47-99.
- Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Rosman. 2020. Pencegahan Dadah Dalam Kalangan Belia Berisiko Melalui Elemen Penghayatan Akidah. *Journal of Islamic And Contemporary Issues* 5(2): 415-424.
- Solahuddin Abdul Hamid. 2020. *Wasatiyyah: Konsep dan Pelaksanaan* (UUM Press). Sintok : Penerbit UUM Press Universiti Utara Malaysia.
- Ummi Fa'izah Abdul Rahman. 2019. Masyarakat Islam Gemilang Pembawa Rahmat. Kertas kerja yang disampaikan dalam Senior Official Meeting (SOM) tingkat MABIMS (Menteri Agama Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, dan Singapura) ke-44. Singapura : Hotel Marina Mandarin.
- Wan Mohd Saghir Wan Abdullah. 1990. *Faridatul Faraid*. Taman Melewar : Khazanah Fathaniyah. H.
- Zulkifli Dahalan. 2009. Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih. *Academic Journal UiTM Pulau Pinang* 5(2): 215-229.